

**Terma dan Syarat
Kempen AFFIN Switch Kad Kredit/-
("T&S")**

1.0 Definisi

- 1.1 Kempen AFFIN Switch Kad Kredit/-i ("Kempen") dianjurkan oleh Affin Bank Berhad ("AFFIN BANK") dan Affin Islamic Bank Berhad ("AFFIN ISLAMIC") (secara kolektif dirujuk sebagai "Bank"). Kempen ini tertakluk kepada terma dan syarat ("T&S") yang dinyatakan di sini. Perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna berikut melainkan konteksnya mengkehendaki sebaliknya:
- 1.1.1 "**Kad AFFIN**" merujuk kepada kad kredit/-i yang dikeluarkan oleh pihak Bank pada bila-bila masa.
 - 1.1.2 "**Ahli Kad**" merujuk kepada pemegang Kad AFFIN.
 - 1.1.3 "**Mata Ganjaran**" merujuk kepada mata yang diberikan kepada Ahli Kad di bawah Program Ganjaran AFFIN.

2.0 Tempoh Kempen

- 2.1 Kempen ini sah dari **19 Julai 2024 hingga 31 Oktober 2024** termasuk kedua-dua tarikh, atau tempoh lain yang mungkin ditentukan oleh pihak Bank ("Tempoh Kempen") dari semasa ke semasa.

3.0 Kelayakan Kempen

- 3.1 Kempen ini terbuka kepada Ahli Kad yang memenuhi kriteria berikut yang ditetapkan di bawah:
- 3.1.1 Ahli Kad Baharu Bank (NTB) yang memohon Kad AFFIN dan mempunyai kad mereka diluluskan dalam Tempoh Kempen.
 - 3.1.2 Pemegang Kad AFFIN yang sah dan akaun sentiasa berada dalam kedudukan yang baik semasa Tempoh Kempen dan pada masa pemenuhan.

(Selepas ini dirujuk sebagai "**Ahli Kad Yang Layak**")

- 3.2 Berikut merupakan orang TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:
- 3.2.1 Ahli Kad AFFIN sedia ada yang memohon Kad AFFIN baharu sebagai kad tambahan semasa Tempoh Kempen.
 - 3.2.2 Ahli Kad yang ingkar terhadap sebarang pembayaran dan/atau kemudahan yang diberikan oleh Bank, atau Kad AFFIN yang telah digantung, disenaraihitamkan, dibatalkan atau ditamatkan pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen; atau
 - 3.2.3 Ahli Kad yang telah melakukan atau mengesyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan atau salah berhubung dengan Kad AFFINnya atau sebarang kemudahan atau perkhidmatan yang diberikan oleh Bank; atau
 - 3.2.4 Orang yang telah diputuskan muflis atau mempunyai prosiding undang-undang dalam apa jua bentuk yang dimulakan terhadap mereka; atau
 - 3.2.5 Orang yang akaunnya dipegang dengan pihak Bank adalah tertunggak atau dijalankan dengan tidak memuaskan seperti yang ditentukan.

4.0 Mekanik Kempen

- 4.1 Ahli Kad yang memohon dan mendapatkan kad mereka diluluskan dalam Tempoh Kempen akan menikmati faedah berikut:

Yuran Tahunan	Pengecualian yuran tahunan sepanjang hayat
Mata Ganjaran	10X AFFIN Rewards Points untuk perbelanjaan luar negara
Pindahan Baki	0% Pindahan Baki untuk 12 bulan pelan pembayaran

Nota:

- 10X Mata Ganjaran AFFIN hanya terpakai kepada kad pengeluaran mata ganjaran yang menawarkan ganjaran untuk perbelanjaan luar negara.
- Tambahan Mata Ganjaran AFFIN akan diberikan ke atas Mata Ganjaran sedia ada untuk perbelanjaan luar negara semasa Tempoh Kempen.
- Pindahan Baki ialah program di mana ahli kad memohon untuk memindahkan baki tertunggak yang dikeluarkan oleh bank lain atau pengeluar kad di Malaysia ke akaun Kad Kredit/i AFFIN mereka.

4.2 Perbelanjaan luar negara merujuk kepada transaksi yang dibuat dalam mata wang selain daripada kod mata wang Malaysia – MYR, termasuk transaksi runcit, transaksi dalam talian, Pesanan Mel/Pesanan Telefon (MOTO), bil automatik dan transaksi berulang.

illustrasi:

Jenis Kad	Mata Ganjaran Sedia Ada	Mata Ganjaran Tambahan	Jumlah Mata Ganjaran
• AFFIN INVIKTA	5X Mata Ganjaran	5X Mata Ganjaran	10X Mata Ganjaran
• AFFIN World Mastercard • AFFIN DUO+ Mastercard	3X Mata Ganjaran	7X Mata Ganjaran	10X Mata Ganjaran
• AFFIN BHPetrol Mastercard	1X Mata Ganjaran	9X Mata Ganjaran	10X Mata Ganjaran

5.0 Pemenuhan Mata Ganjaran Tambahan

5.1 Tambahan Mata Ganjaran akan dikreditkan secara automatik ke akaun Mata Ganjaran Ahli Kad AFFIN Yang Layak dalam tempoh lapan (8) minggu selepas Tempoh Kempen dan boleh Mata Ganjaran boleh ditebus dalam tempoh sah tiga (3) tahun dari tarikh pengkreditan.

6.0 Pematuhan kepada Terma dan Syarat

- 6.1 Semua terma dan syarat sedia ada terpakai untuk Terma dan Syarat Kad Kredit AFFIN BANK dan Terma dan Syarat Kad Kredit-i AFFIN ISLAMIC (Generik) (“GTS”) hendaklah diguna pakai sepanjang masa. Sekiranya terdapat ketidakselarasan atau percanggahan antara GTS atau STS dan Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat ini akan mengatasi ketidakselarasan atau percanggahan tersebut.
- 6.2 Semua Terma dan Syarat di sini ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan semua pihak tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- 6.3 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan tidak akan menerima apa-apa bentuk liabiliti apa jua jenis dan walau bagaimanapun timbul atau dialami oleh Ahli Kad Yang Layak yang terhasil secara langsung atau tidak langsung dari Penyertaan Ahli Kad Yang Layak dalam Kempen kecuali kerugian yang disebabkan oleh kecuaiian, kegagalan atau pelanggaran oleh pihak Bank. Selain itu, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan kewajipan di bawah Kempen kerana sebarang peristiwa “force majeure” yang termasuk tetapi tidak terhad kepada perbuatan Tuhan, peperangan, rusuhan, penguncian, tindakan perindustrian, wabak penyakit, pandemik, endemik, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan Bank.
- 6.4 Kempen ini berakhir pada 31 Oktober 2024. Walau bagaimanapun, pihak Bank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen lebih awal daripada Tempoh Kempen atau melanjutkan kempen melebihi Tempoh Kempen ini dengan notis awal melalui laman web AffinAlways.com.
- 6.5 Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Kempen ini atau Tempoh Kempen tidak akan melayakkan Ahli Kad Layak untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau

ditanggung oleh Ahli Kad yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan kecuali kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kecuaiannya, keingkaran atau pelanggaran oleh Bank.

- 6.6 Pihak Bank berhak mengubah dan/atau mengubah T&S ini dari semasa ke semasa dan perubahan/pindaan/pengubahsuaian tersebut akan diumumkan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh berkuat kuasa terma dan syarat yang baru di Laman Web Bank.
- 6.7 Ahli Kad yang Layak bersetuju bahawa penyertaan berterusan dalam Kempen ini merupakan penerimaan mereka terhadap T&S ini termasuk sebarang pindaan atau perubahan yang dibuat di sini. Ahli Kad yang Layak bersetuju untuk mengakses Laman Web Bank pada selang masa yang tetap untuk melihat T&S ini dan memastikan untuk sentiasa dikemas kini mengenai sebarang perubahan atau variasi kepada T&S ini.
- 6.8 Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi oleh pihak Bank dan pihak Bank dengan ini bersetuju untuk mengumpul dan menggunakannya untuk tujuan Kempen. Ahli Kad Yang Layak dengan ini bersetuju untuk membenarkan pihak Bank memasarkan produk Kumpulannya atau syarikat bersekutu kepada Ahli Kad Yang Layak kecuali Ahli Kad Yang Layak secara jelas memilih keluar dengan menghubungi manamana cawangan pihak Bank.
- 6.9 Sekiranya gambar diambil menurut Kempen ini, gambar tersebut boleh digunakan untuk penerbitan dalaman atau luaran.
- 6.10 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini berbanding dengan promosi pengiklanan, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan dengan Kempen ini, versi akhir T&S ini di Laman Web Bank akan diguna pakai.
- 6.11 Ahli Kad Yang Layak dikehendaki untuk membaca dan memahami T&S ini. Sekiranya terdapat T&S dalam dokumen ini yang tidak difahami, Ahli Kad Yang Layak dinasihatkan untuk berbincang lanjut dengan wakil pihak Bank.
- 6.12 Versi T&S Bahasa Inggeris boleh didapati di www.affinalways.com. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan, konflik, kekeliruan atau percanggahan antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris atau versi bahasa lain T&S ini, versi Bahasa Inggeris bagi T&S ini akan diguna pakai. Walau apa pun yang dinyatakan di mana permintaan dibuat oleh Ahli Kad yang Layak dan ia diperhatikan dan diakui oleh Bank dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia T&S ini akan mengawal operasi Kempen ini, maka versi Bahasa Malaysia bagi T&S ini akan diguna pakai.
- 6.13 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas berkaitan Kempen ini, Ahli Kad yang Layak boleh menghubungi Khidmat Pelanggan AFFIN BANK /AFFIN ISLAMIC di talian 03-8230 2222.

JABATAN PERNIAGAAN KAD

Semua kandungan © Affin Bank Berhad / Affin Islamic Bank Berhad